



## **KENYATAAN AKHBAR**

**Untuk Siaran Segera  
29 Jun 2018**

### **PERTUKARAN DI YAYASAN PELABURAN BUMIPUTRA, PERSARAAN TAN SRI ABDUL WAHID OMAR DAN PELANTIKAN TAN SRI DATO' SRI DR. ZETI AKHTAR AZIZ SEBAGAI PENERUSI KUMPULAN PNB**

**KUALA LUMPUR, 29 Jun 2018** – Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB) hari ini mengumumkan bahawa Menteri Kewangan Diperbadankan (MOF Inc) telah memaklumkan bahawa YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri, telah mengambil alih jawatan Pengerusi YPB berkuat kuasa 28 Jun 2018. Lanjutan dari pelantikan ini, komposisi Lembaga Pemegang Amanah YPB telah diubah untuk merangkumi YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi (dilantik juga sebagai Pengerusi Alternatif YPB), Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, bekas Gabenor Bank Negara Malaysia, dan Tan Sri Dato' Setia Ambrin Buang, bekas Ketua Audit Negara Malaysia.

Pada masa yang sama, Permodalan Nasional Berhad (PNB), anak syarikat pelaburan bagi YPB, mengumumkan bahawa Tan Sri Abdul Wahid Omar akan bersara sebagai Pengerusi Kumpulan PNB dan sebagai Pemegang Amanah YPB berkuat kuasa 30 Jun 2018.

Lembaga Pengarah PNB ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Abdul Wahid atas sumbangan yang tidak ternilai dan khidmat penuh dedikasi sebagai Pengerusi Kumpulan PNB. PNB menghargai kepimpinan Tan Sri Abdul Wahid dan bimbingan yang telah diberikan oleh beliau kepada Lembaga Pengarah dan Pihak Pengurusan PNB serta syarikat-syarikat pelaburannya sejak pelantikan beliau pada Ogos 2016.

Semasa beliau di PNB, Tan Sri Abdul Wahid telah mengukir pelan hala tuju untuk PNB demi mencapai tiga amanah mandat yang komprehensif; menghasilkan pulangan yang mampan dan lebih baik untuk portfolio PNB, meningkatkan kekayaan dan penyertaan ekonomi Bumiputera, dan menyalurkan sebahagian daripada keuntungan PNB kepada inisiatif-inisiatif yang menyampaikan impak sosial kepada masyarakat.

Lembaga Pengarah PNB juga telah mengumumkan bahawa Datuk Dr. Awang Adek Hussin akan bersara sebagai Pengarah PNB dan Pengerusi PNB Research Institute Sdn Bhd berkuatkuasa 30 Jun 2018. Lembaga Pengarah ingin mengucapkan terima kasih kepada Datuk Dr. Awang Adek atas segala sumbangan selama tempoh perkhidmatan beliau bersama Kumpulan PNB.

Diumumkan juga bahawa Tan Sri Dr. Zeti akan dilantik sebagai Pengerusi Kumpulan PNB berkuat kuasa 1 Julai 2018. Tan Sri Dr. Zeti kini merupakan salah seorang ahli Majlis Penasihat Kerajaan, yang diamanahkan untuk memberi nasihat kepada Kerajaan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan ekonomi dan kewangan.

Lembaga Pengarah YPB dan PNB mengalu-alukan pelantikan Tan Sri Dr. Zeti dan yakin dengan pengalaman beliau yang meluas, beliau akan terus memberikan kepimpinan yang kukuh kepada Kumpulan PNB dalam mencapai mandat asasnya untuk memperkasakan kekayaan korporat demi manfaat rakyat Malaysia.

*-tamat-*

#### **Mengenai PNB**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini mencapai RM280 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan swasta dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

#### **Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

1. *Aziz Anuar, Naib Presiden Kanan, Bahagian Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi | [aziz\\_a@pnb.com.my](mailto:aziz_a@pnb.com.my) | 03-2050 5810*
2. *Aimi Aziz, Naib Presiden, Jabatan Komunikasi | [aimiaziz@pnb.com.my](mailto:aimiaziz@pnb.com.my) | 03-2050 5327*